

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai insurans berkaitan pelaburan anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya**. LLP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok.



Tarikh: 1 Jan 2026

1 Apakah Zurich ValueLife?

Zurich ValueLife menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Jika anda meninggal dunia atau hilang upaya sepenuhnya dan kekal dalam tempoh polisi, ia membayar jumlah manfaat kematian atau jumlah dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) dan nilai tunai, pada masa tuntutan.

2 Kenali Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 1,800** tahunan + **RM 0** daripada premium tambah nilai tidak lazim, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut untuk 20 tahun:

Manfaat Kematian / HUKK	RM 500,000 (jumlah diinsuranskan) + nilai tunai
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Pengangkutan Awam	Tambahan 100% jumlah diinsuranskan
Manfaat Kematian Akibat Kemalangan Di Luar Negara	Tambahan 200% jumlah diinsuranskan
Keistimewaan Penjagaan Pasangan	Pasangan mempunyai pilihan untuk membeli polisi hayat untuk jumlah perlindungan sehingga RM 250,000 tanpa memerlukan bukti insurans
Jaminan Tidak Luput	Polisi akan kekal aktif walaupun nilai tunai adalah sifar atau negatif untuk 5 tahun pertama
Penyambungan Automatik	Tempoh perlindungan disambungkan secara automatik kepada umur 100 jika anda bertahan sehingga 20 tahun tanpa bukti insurans. Manfaat tambahan dan manfaat juga akan disambungkan secara automatik ke tempoh perlindungan maksimum masing-masing yang tersedia, jika berkenaan.
Manfaat Matang	Nilai tunai

Nota: Sila minta contoh kontrak tambahan daripada pengantara anda untuk senarai penuh mengenai terma dan syarat.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan dan PERLINDUNGAN KE ATAS MANFAAT DARIPADA BAHAGIAN UNIT ADALAH TERTAKLUK KEPADA HAD. Sila rujuk brosur PIDM TIPS atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Insurans berkaitan pelaburan anda **mengecualikan**:

- Bunuh Diri – Jika kematian disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya nilai tunai akan dibayar.
- Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penangkapan.
- HUKK - Keadaan perubatan yang anda miliki, atau mengalami simptom, sebelum membeli pelan (iaitu penyakit sedia ada).

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk polisi insurans bagi butiran mengenai pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/valuelife>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium	RM 1,800 (tahunan)
Tempoh: 20 tahun	
Premium Tambah Nilai Tidak Lazim	RM 0
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.	
Premium diperuntukkan untuk pembelian unit	90.0% daripada jumlah premium atau RM 32,400 selama 20 tahun Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.

Polisi anda akan disambungkan secara automatik sehingga umur 100 tahun:			
Penyambungan Automatik	Anda akan dimaklumkan 90 hari lebih awal sebelum kematangan mengenai penyambungan automatik dan premium yang diperlukan. Anda boleh memilih untuk tidak meneruskan dengan memaklumkan kami secara bertulis sebelum kematangan. Premium yang perlu dibayar tidak dijamin dan mungkin berubah berdasarkan unjuran masa depan nilai tunai dan yuran berkaitan, dengan kemas kini diberikan dalam penyata tahunan sekurang-kurangnya setiap lima tahun.		
		Tanpa penyambungan automatik	Dengan penyambungan automatik
	Tempoh perlindungan	Perlindungan untuk tempoh 20 tahun	Perlindungan untuk tempoh 20 tahun + penyambungan automatik sehingga umur 100
Premium yang perlu dibayar	(i) RM1,800 perlu dibayar dari umur 30 hingga umur 49 (ii) Premium Tambah Nilai Tidak Lazim Permulaan, RM0	(i) RM1,800 perlu dibayar dari umur 30 hingga umur 49 (ii) Premium Tambah Nilai Tidak Lazim Permulaan, RM 0 (iii)RM11,450 perlu dibayar dari umur 50 hingga umur 99	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut			
Komisen	8.0% daripada jumlah premium atau RM 2,880 selama 20 tahun Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan untuk butiran lanjut.		
Caj lain yang berkenaan	Yuran polisi, caj insurans, yuran penyerahan, cukai (jika ada) – sila rujuk Ilustrasi Jualan. Yuran pengurusan dana – sila rujuk Lembaran Fakta Dana. Yuran penukaran dana – percuma untuk penukaran unit pertama setiap tahun polisi. Selepas itu, yuran penukaran sebanyak RM50 untuk setiap penukaran akan dikenakan. Caj tambah nilai - RM25 untuk setiap tambah nilai tidak lazim.		

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau kontrak ditamatkan.
- Nilai tunai produk ini bergantung pada prestasi dana pilihan anda.
- Lien Juvana akan diguna pakai untuk Manfaat Kematian atau HUKK sebelum mencapai umur 4 tahun.
- Premium mungkin meningkat selepas pelaksanaan penilaian semula perubatan ke atas manfaat tambahan perubatan anda.
- Tempoh Ihsan Perlindungan selama 31 hari dari tarikh tamat tempoh akan dibenarkan untuk pembayaran setiap premium selepas premium pertama. Jika nilai tunai polisi tidak mencukupi untuk menampung semua yuran dan caj, tempoh tangguh selama 31 hari dibenarkan dari tarikh tamat tempoh caj insurans. Semasa tempoh tangguh, polisi akan kekal aktif sebelum ia luput, kecuali Jaminan Tidak Luput dipenuhi.
- Anda boleh melakukan pengeluaran separa pada bila-bila masa tertakluk kepada jumpah pengeluaran minimum RM1,000 dan baki minimum daripada nilai tunai selepas pengeluaran separa.
- Pembayaran premium selepas tempoh ihsan dan pengeluaran separa mungkin menyebabkan polisi luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa depan.
- Premium, yuran dan caj untuk polisi ini tidak dijamin. Premium dan caj insurans adalah berdasarkan risiko standard. Terma dan kadar polisi mungkin berbeza bergantung pada syarat-syarat pengunderaitan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk polisi insurans bagi senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan polisi dalam tempoh 15 hari selepas polisi anda dihantar kepada anda. Kami akan memulangkan kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, nilai tunai, sebarang caj insurans dan yuran polisi yang telah ditolak, ditolak sebarang yuran perubatan yang dikenakan.
- **Pembatalan/Penyerahan:** Selepas Tempoh Bertenang, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Kami akan bayar anda nilai tunai.